

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Obstruksi Usus



Apakah Obstruksi Usus?

Obstruksi usus merupakan keadaan penyumbatan dalam usus kecil atau usus besar yang menyekat makanan, cecair atau gas daripada melaluinya.

Tanpa rawatan, bahagian usus yang tersekat boleh mati dan membawa kepada masalah yang serius. Namun begitu, ia boleh berjaya dirawat dengan rawatan perubatan segera.



Apakah yang menyebabkan Obstruksi Usus?



Tumor, tisu parut (lekatan usus) atau usus yang memutar atau menyempit boleh menyebabkan obstruksi usus. Ini dipanggil **halangan mekanikal**.



Dalam usus kecil, tisu parut merupakan punca yang paling lazim. Punca-punca lain termasuk hernia dan penyakit Crohn yang boleh memutar atau menyempitkan usus serta tumor yang boleh menyekat usus. Halangan juga boleh berlaku apabila satu bahagian usus terlipat ke bahagian lain seperti teleskop. Keadaan ini dinamakan **intususepsi**.



Dalam usus besar, barah merupakan punca yang paling lazim. Punca-punca lain termasuk sembelit yang serius akibat jisim najis yang keras dan penyempitan usus yang disebabkan oleh divertikulitis atau penyakit radang usus.

Tanda dan Simptom



Perut bengkak dan kembung



Sakit perut atau kekejangan



Sembelit




Cirit-birit



Muntah



Tidak dapat mengeluarkan gas (kentut)




Nafas busuk

Ujian dan Diagnosis



Mula-mula, doktor akan bertanya tentang sejarah perubatan dan simptom- simptom anda. Kemudian, doktor akan melakukan pemeriksaan fizikal untuk mencari pembengkakan perut atau kehadiran benjolan di perut anda. Doktor juga mungkin cuba mendengar perut anda untuk mengesan obstruksi.

Untuk mendiagnosis atau mengesahkan obstruksi usus, doktor mungkin mencadangkan X-ray perut atau imbasan tomografi berkomputer (CT). Ia membantu untuk mencari kawasan tersekat dan menentukan punca obstruksi.



Rawatan



Tiub nasogastrik mungkin dimasukkan melalui hidung ke dalam perut anda untuk mengeluarkan cecair dan gas. Ini akan mengurangkan kembang perut anda.

Anda akan diberikan cecair melalui saluran darah untuk mengelakkan dehidrasi kerana anda tidak akan diberi sebarang makanan atau minuman.



Jika anda hanya mengalami obstruksi separa, andamungkin tidak memerlukan rawatan lanjut. Doktormungkin mencadangkan diet rendah serat yangakan memudahkan pemprosesan usus anda yangtersumbat.

Namun begitu, jika halangan tidak lega sendirinya, anda mungkin memerlukan pembedahan.



Jika bahagian usus anda yang terjejas telah mati, bahagian usus yang berpenyakit akan dikeluarkan manakala bahagian yang selebihnya mungkin dijahit ke lubang pada kulit untuk mewujudkan kolostomi atau ileostomi. Najis keluar dari badan melalui lubang dan dikumpulkan dalam beg ostomi pakai buang.

Ini mungkin untuk sementara waktu sehingga anda pulih sepenuhnya.

Lain-lain

Doktor dan jururawat anda akan menasihati anda tentang penjagaan susulan mengikut rawatan yang diberikan kepada anda. Sila rujuk kepada mereka untuk maklumat lebih lanjut jika perlu.